

20 MAR 1997

Ting - Banjir

PIHAK BERKUASA TEMPATAN PERLU BUAT LEBIH BANYAK LAWATAN MENGEJUT

IPOH, 20 Mac (Bernama) -- Pihak berkuasa tempatan diarah meningkatkan pemeriksaan mengejut di tapak-tapak projek pembinaan bagi memastikan pemaju mematuhi semua peraturan yang ditetapkan seperti penyediaan kolam takungan air bagi mengelak kejadian banjir kilat.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh berkata, walaupun pada keseluruhannya pemaju projek kini didapati mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan namun masih ada mereka yang tidak mematuhi sebahagian daripadanya.

"Daripada maklumat yang diterima, masih berlaku kejadian banjir kilat di sesetengah projek dan kita minta pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan tegas dengan memberhentikan projek itu", katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Ting sebelum itu melancarkan kempen membaca akhbar bagi lima buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) di kawasan Parlimen Gopeng di SRJKC Gunung Rapat di sini.

Beliau berkata, pihak berkuasa tempatan mengetahui lokasi projek yang berjalan di kawasan pentadbiran masing-masing dan oleh itu tidak sukar bagi mereka membuat pemeriksaan mengejut ke tapak-tapak projek terutama bagi projek yang berhampiran sungai.

Ting menegur sesetengah pihak berkuasa tempatan yang tidak menjalankan pemeriksaan ke tapak projek dengan alasan kekurangan anggota penguatkuasa sedangkan mereka harus peka dengan tanggungjawab itu.

Kerajaan mengambil berat masalah banjir kilat terutama di bandar-bandar utama di negara ini dengan menubuhkan jawatankuasa khas Kabinet untuk menanganinya yang dipengerusikan oleh Menteri Pertanian, Datuk Dr Amar Sulaiman Daud.

Menurutnya, selain mengenal pasti kaedah menyelesaikan masalah banjir, jawatankuasa itu bertanggungjawab membuat pengagihan tanggungjawab menjaga sungai, parit dan longkang kepada agensi tertentu.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pihak berkuasa tempatan supaya tidak menghalang kemajuan, Ting berkata, kenyataan itu tidak bermaksud pihak berkuasa tempatan boleh meluluskan sebarang projek sembarangan.

"Apa yang boleh dilakukan ialah setiap agensi kerajaan yang terbabit meluluskan projek, memendekkan tempoh memproses permohonan itu selain tidak meletakkan syarat-syarat tertentu", katanya. -- BERNAMA

LAT WAT